



PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR  
UNIT PENYELARASAN PERLAKSANAAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI (ICU JPM)  
ARAS 5, 6, 7 & 8,  
PUSAT DAGANGAN SHAH ALAM,  
PERSIARAN DAMAI, SEKSYEN 11,  
40100 SHAH ALAM,  
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : 03 - 55213600  
Fax : 03 - 55100478

## KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

### KERJA-KERJA MENURAP TEMPAT LETAK KERETA (TLK) DI PERKARANGAN MASJID BUKIT INDAH (MBI), AMPANG, SELANGOR

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor bertaraf **Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor dan memiliki **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** serta Perakuan Pendaftaran :  
**GRED** : **G1**  
**KATEGORI** : **CE**  
**PENGGHUSUSAN** : **CE01, CE21**  
dan yang masih dibenarkan menyertai sebutharga ini.
2. Lawatan tapak akan diadakan pada **4 September 2019 (Rabu)** di tapak projek pada pukul **11:00 pagi**. Penyebutharga mesti membawa **Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**, **Sijil Taraf Bumiputera**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Salinan Pendaftaran e-Vendor/e-Perolehan**. **HANYA PENAMA DI DALAM CIDB DAN SPKK SAHAJA BOLEH MENGHADIRI LAWATAN TAPAK DAN TIDAK BOLEH MEWAKILKAN PEGAWAI LAIN SELAIN DARIPADA PENAMA YANG DIBENARKAN DALAM CIDB DAN SPKK.**
3. Hanya penyebutharga yang menghadiri lawatan tapak dibenarkan mendapatkan dokumen sebutharga. Borang sebutharga boleh diperolehi mulai **6 september 2019 (Jumaat)** di Pejabat Pembangunan Negeri Selangor, Aras 7, Pusat Dagangan Shah Alam, Persiaran Damai, Seksyen 11, 40100 Shah Alam, Selangor dengan membawa sijil **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**, **Sijil Taraf Bumiputera** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (ASAL dan SALINAN)**. Wakil kontraktor mestilah membawa **Surat Wakil Kuasa**.
4. Semua borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan bersama **salinan** pendaftaran **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**, **Sijil Taraf Bumiputera**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** dan **Salinan Pendaftaran e-Vendor/e-Perolehan** dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang ditandakan **"PPNS/HULU LANGAT/(08)/2019/(26)"** disudut atas sebelah kiri sampul surat tersebut dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga Pejabat Pembangunan Negeri Selangor** di **Tingkat 7** sebelum tarikh dan masa tawaran ditutup.
5. Sebutharga mestilah sampai dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga Pejabat Pembangunan Negeri Selangor Tingkat 7, sebelum atau selewat-lewatnya jam 12.00 tengah hari pada **13 September 2019 (Jumaat)**.
6. Kerajaan tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau pun terikat kepada mana-mana sebutharga.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' AHMAD HUSAINI BIN ABDUL RAHMAN)

Timbalan Pengarah Pembangunan Negeri  
Pejabat Pembangunan Negeri Selangor

Tarikh : ... Ogos 2019